



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN
DI BAWAH SEKSYEN 150 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
BAGI PENUBUHAN SKIM PENCEN / KUMPULAN WANG SIMPANAN**

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini menerangkan prosidur permohonan untuk mendapatkan kelulusan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi penubuhan suatu skim pencen / kumpulan wang simpanan.

2. KUASA UNTUK MELULUSKAN

Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan-

“The Director General may, subject to such conditions as he may think fit to impose, approve any pension or provident fund scheme or society for the purpose of this Act.”

Ketua Pengarah boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang beliau fikirkan patut untuk mengenakan, meluluskan mana-mana skim pencen atau kumpulan wang simpanan atau pertubuhan bagi tujuan Akta ini.

3. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PENUBUHAN SKIM

3.1 Semua permohonan untuk mendapatkan kelulusan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi penubuhan suatu skim pencen / kumpulan wang simpanan yang bertujuan untuk memberi manfaat persaraan kepada pekerja apabila mereka bersara hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah
Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Tingkat 17, Wisma Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
Peti Surat 11833,
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

3.2 Permohonan tidak memerlukan borang khusus, memadai dengan menulis surat biasa tetapi hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan berikut untuk semakan selanjutnya oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN):

- Draf Surat Ikatan Amanah (Trust Deed) bagi penubuhan skim pencen / kumpulan wang simpanan;
- Draf Peraturan Dana (Rules of the Fund) bagi penubuhan skim pencen / kumpulan wang simpanan;
- Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat (The Company's Board of Directors Resolutions) yang memberi kelulusan untuk menubuhkan skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut;
- Borang 49 Akta Syarikat 1965; dan
- Profail syarikat penaja (seperti di **Lampiran B**).

3.3 Skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut hendaklah ditubuhkan secara rasmi melalui Surat Ikatan Amanah (SIA) dan Peraturan Dana (PD) (*Trust Deed and Rules of the Fund*). SIA dan PD hendaklah jelas dan memeruntukkan perkara/kenyataan berikut:

3.3.1 Wujudnya pengasingan caruman-caruman di mana caruman oleh kedua-dua pihak iaitu pekerja atau majikan hendaklah diasingkan daripada mereka (pekerja dan majikan) dan dipegang oleh pihak ketiga iaitu Lembaga Pemegang Amanah (*Board of Trustees*).

3.3.2 Lebih daripada 50% ahli Lembaga Pemegang Amanah hendaklah terdiri daripada mereka-mereka yang bukan ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang menubuhkan skim / dana persaraan tersebut. Bilangan ahli hendaklah dalam angka ganjil.

3.3.3 Pembayaran manfaat persaraan hanya boleh dibuat jika salah satu daripada keadaan berikut berlaku iaitu apabila pekerja:

- i. mencapai umur persaraan 55 tahun; atau
- ii. bersara awal disebabkan ketidakupayaan kronik; atau
- iii. meninggal dunia; atau
- iv. meninggalkan Malaysia buat selama-lamanya.

3.3.4 Skim pencen/kumpulan wang simpanan **tidak dibenarkan** mempunyai peruntukan-peruntukan berikut dalam Surat Ikatan Amanah dan Peraturan Dananya :

- i. Peruntukan yang membolehkan **manfaat diambil secara tunai** selain daripada keadaan di perenggan 3.3.3. Contohnya, ahli berhenti kerja atau skim tersebut dibubarkan;
- ii. Peruntukan yang membolehkan **majikan menerima kembali lebih dana (surplus)** sewaktu skim dibubarkan atau setelah tiada ahli yang tinggal; dan
- iii. Peruntukan yang **menghalang ahli daripada menerima sebarang manfaat skim** sekiranya beliau berhenti secara sukarela (voluntarily resign) selain daripada berhenti untuk mengelakkan daripada dipecat atas sebab-sebab penipuan, pecah amanah dan sebagainya.

3.3.5 Apabila seseorang ahli berhenti kerja daripada majikan yang menjadi syarikat penaja skim atau apabila skim itu sendiri dibubarkan, maka Pemegang Amanah skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut dikehendaki mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Menahan jumlah wang yang sepatutnya dibayar kepada pencarum tersebut sehingga berlaku salah satu daripada keadaan di perenggan 3.3.3; atau
- ii. Memindahkan jumlah wang berkenaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau kepada suatu skim pencen / kumpulan wang simpanan lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri Malaysia; atau
- iii. Membayar jumlah wang berkenaan dalam bentuk pencen seumur hidup yang tidak boleh diserahkan hak atau ditukar tertib (*non-assignable, non-commutable life pension*); atau
- iv. Menukar jumlah wang berkenaan kepada polisi insurans nyawa yang akan matang apabila pencarum meninggal dunia atau mencapai umur persaraan biasa dan ianya hendaklah diserahkan kepada Pemegang Amanah.

3.3.6 Skim pencen / kumpulan wang simpanan perlu mematuhi dasar pelaburan seperti yang ditetapkan oleh LHDN di **Lampiran A**.

- 3.3.7 Klausula yang membolehkan pindaan (Variation) di buat kepada SIA dan PDnya.
 - 3.3.8 Klausula yang membolehkan perlantikan Pemegang Amanah baru (Appointment) dan perletakan jawatan Pemegang Amanah lama (Resignation).
 - 3.3.9 Klausula yang membolehkan anak syarikat menyertai (adhere) skim pencen / kumpulan wang simpanan atau berhenti menjadi ahli (cease to adhere) kepada skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut.
 - 3.3.10 Klausula yang menyatakan keadaan bagaimana sesuatu skim pencen / kumpulan wang simpanan akan dibubarkan dan syarat-syarat yang akan dipatuhi apabila skim pencen / kumpulan wang simpanan dibubarkan.
- 3.4 Apabila diberitahu oleh LHDN bahawa draf SIA dan PD itu didapati teratur dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan, Pemegang Amanah kepada skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut dikehendaki melaksanakan (execute) dan menyetemkan (stamp) SIA dan PD tersebut.
- 3.5 Dokumen-dokumen ini (SIA dan PD) yang telah dilaksanakan dan disetemkan hendaklah dikemukakan semula kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri.
- 3.6 Bagi skim pencen / kumpulan wang simpanan yang telah diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 oleh Ketua Pengarah, LHDN Malaysia, permohonan bagi mendapatkan kelulusan beliau seterusnya hendaklah diperolehi terlebih dahulu jika skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut mengambil salah satu daripada tindakan berikut :
- 3.6.1 Meminda SIA dan/atau PD skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut; atau
 - 3.6.2 Melantik Pemegang Amanah baru atau memberhentikan perkhidmatan Pemegang Amanah lama; atau
 - 3.6.3 Membenarkan "syarikat subsidiari" menyertai skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut atau pun mana-mana syarikat subsidiari yang telah menjadi pencarum kepada skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut berhenti menjadi ahlinya; atau
 - 3.6.4 Membubarkan skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut.

4. PROSEDUR MENAMBAH ATAU MEMINDA SURAT IKATAN AMANAH / PERATURAN DANA DAN PEMBUBARAN SKIM PENCEN / KUMPULAN WANG SIMPANAN

4.1 Meminda SIA dan/atau PD skim pencen / kumpulan wang simpanan (*Deed of Variation*)

Apa-apa pindaan yang hendak dilakukan terhadap SIA dan/atau PD yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri hanya boleh di buat melalui suatu “Deed of Variation” dan ianya perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu. Prosedurnya adalah seperti berikut:

- i. Kemukakan draf “Deed of Variation” tersebut;
- ii. Draf “Deed of Variation” hanya perlu mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan pindaan sahaja;
- iii. Hantarkan draf “Deed of Variation” tersebut kepada Ketua Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia ke alamat seperti yang tertera di perenggan 3.1.
- iv. Laksanakan dan setemkan “Deed of Variation” tersebut sebaik sahaja selepas diberitahu oleh LHDN bahawa draf tersebut didapati teratur dan menepati syarat-syarat kelulusan.
- v. Kemukakan semula “Deed of Variation” yang telah dilaksanakan dan disetemkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia bagi mendapatkan kelulusan.

4.2 Melantik Pemegang Amanah baru atau memberhentikan perkhidmatan Pemegang Amanah lama (*Deed of Appointment of Trustees*)

Perletakkan jawatan/perlantikan baru mana-mana Pemegang Amanah sesuatu skim pencen / kumpulan wang simpanan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah di buat melalui “Deed of Appointment” dan ini juga perlu mendapat kelulusan LHDN terlebih dahulu. Prosedurnya adalah sama seperti prosedur di perenggan 4.1.

4.3 Membenarkan “syarikat subsidiari” menyertai atau berhenti daripada skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut (*Deed of Adherence dan Deed of Cessation of Adherence*).

Tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri, sebuah syarikat subsidiari boleh menyertai skim pencen / kumpulan wang simpanan yang ditubuhkan oleh syarikat induknya yang telah mendapat kelulusan di bawah Seksyen 150, Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan mengemukakan kepada pejabat ini satu "Deed of Adherence".

Syarikat sekutu/syarikat berkait tidak dibenarkan menyertai skim pencen atau kumpulan wang simpanan ini.

Manakala, pemberhentian sebuah syarikat subsidiari daripada menyertai skim pencen / kumpulan wang simpanan yang ditubuhkan oleh syarikat induknya hendaklah dibuat melalui "Deed of Cessation of Adherence". Walau bagaimanapun, penyertaan dan pemberhentian penyertaan sedemikian hendaklah di peruntukkan di bawah Peraturan Dana (Rules of the Fund) skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut terlebih dahulu.

4.4 Membubarkan skim pencen / kumpulan wang simpanan (*Deed of Dissolution*)

Pembubaran sesuatu skim pencen / kumpulan wang simpanan hendaklah mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Malaysia terlebih dahulu dan dibuat melalui suatu "Deed of Dissolution" dengan dokumen sokongan seperti berikut:

- Resolusi Lembaga Pengarah syarikat penaja yang meluluskan pembubaran skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut;
- Akaun Realisasi skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut pada tarikh pembubaran; dan
- Bukti yang menunjukkan bahawa bayaran telah di buat kepada pihak-pihak yang ditetapkan. (Sila rujuk kepada sub-perenggan 3.3.5)

5. DASAR PELABURAN SKIM PENCEN / KUMPULAN WANG SIMPANAN YANG TELAH DILULUSKAN

Dasar pelaburan bagi skim pencen / kumpulan wang simpanan yang telah diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967 telah ditetapkan oleh LHDN seperti di **Lampiran A**. Dasar tersebut perlu dipatuhi oleh sesuatu skim pencen / kumpulan wang simpanan sebagai syarat untuk mengekalkan taraf kelulusan skim pencen / kumpulan wang simpanan tersebut.

6. CARUMAN MAJIKAN

6.1 Berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 1998, jumlah keseluruhan caruman majikan (termasuk KWSP) boleh dibenarkan sebagai potongan di dalam

mengira pendapatan larasan majikan. Akan tetapi, caruman tersebut tidak boleh melebihi 19% daripada saraan pekerja.

6.2 Satu caruman khas boleh dibenarkan sebagai potongan di dalam mengira pendapatan larasan majikan apabila skim pencen / kumpulan wang simpanan berkenaan ditubuhkan buat pertama kali. Jumlah caruman khas yang dibenarkan adalah tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, sekatan-sekatan berikut juga terpakai:

- Caruman tidak boleh melebihi saraan bagi 6 tahun perkhidmatan yang lepas untuk pekerja-pekerja yang layak; dan
- Caruman tidak boleh melebihi kadar caruman semasa yang dibuat oleh majikan, tertakluk kepada tahap 19% yang dibenarkan (termasuk caruman KWSP)

*[Catatan: jika diluluskan oleh Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri, jumlah caruman khas tersebut mestilah **dibayar dalam tempoh asas** bila mana skim pencen / kumpulan wang simpanan itu ditubuhkan].*

6.3 Majikan tidak boleh membuat caruman lain selain daripada apa yang telah dinyatakan dalam perenggan 6.1 dan 6.2 di atas.

7. PELAKSANAAN

Pemberian kelulusan oleh Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan 3. Sungguhpun caruman boleh dibuat sementara (*provisionally allowed*), adalah menjadi hak Ketua Pengarah untuk tidak meluluskan dan tidak membenarkan caruman tersebut dan mengenakan cukai pendapatan ke atas skim pencen / kumpulan wang simpanan itu mulai daripada tarikh caruman dibuat.

8. KEGAGALAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT

Kelulusan yang telah diberi kepada suatu skim pencen / kumpulan wang simpanan akan **dibatalkan secara kebelakangan** atau sebaliknya, jika didapati skim tersebut tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

*Bahagian Teknikal,
Jabatan Teknikal,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
MALAYSIA.
1 September 2004.*

**DASAR PELABURAN
DANA SKIM PENCEN ATAU KUMPULAN WANG SIMPANAN YANG
DILULUSKAN DI BAWAH SEKSYEN 150 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Berikut ialah penjelasan berkaitan dengan jenis pelaburan yang boleh dibuat oleh sesuatu Skim Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan yang telah mendapat kelulusan di bawah **Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967**:

1. Di mana **caruman** yang dibayar oleh majikan dan pekerja **diserahkan** kepada **syarikat insurans** yang telah menandatangani kontrak untuk membayar manfaat yang diperuntukan oleh Skim Pencen / Kumpulan Wang Simpanan itu, tiada apa-apa sekatan dikenakan kerana hal-hal berkaitan dengan perniagaan insurans adalah tertakluk kepada arahan **Ketua Pengarah Insurans** dan dikawal selia oleh **Akta Insurans 1996**.
2. Di mana Skim Pencen / Kumpulan Wang Simpanan itu mengendalikan pelaburannya sendiri maka dasar pelaburan berikut adalah digunapakai:
 - 2.1 Jika **semua ahli** Skim Pencen / Kumpulan Wang Simpanan itu **tidak berdomisil** di Malaysia, Skim Pencen / Kumpulan Wang Simpanan bebas melakukan pelaburan tanpa sebarang sekatan.
 - 2.2 Jika ahli Skim Pencen / Kumpulan Wang Simpanan itu **berdomisil** di Malaysia, dasar pelaburan adalah seperti berikut:
 - 2.2.1. 20% dari **jumlah sumber** Skim Pencen/Kumpulan Wang Simpanan tersebut boleh dilaburkan tanpa sebarang sekatan.
 - 2.2.2 20% lagi daripada **jumlah sumber** Skim Pencen / Kumpulan Wang Simpanan tersebut hendaklah dilaburkan di dalam **Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)** atau pelaburan lain yang berjangka pendek, sederhana dan panjang dan **dijamin oleh Kerajaan Malaysia** seperti *Malaysian Treasury Bills (MTB)*, *Government Investment Issues (GII)*, *Bank Negara Malaysia Bills (BNMB)*, *Cagamas Instruments*, *Bon Dana Harta* dan *lain-lain instrumen yang seumpamanya*.
 - 2.2.3 Baki 60% dari **jumlah sumber** Skim Pencen / Kumpulan Wang Simpanan wang tersebut hendaklah **dilaburkan di Malaysia** dalam bentuk aset-aset seperti disenaraikan dibawah:

- (i) Debentur atau pinjaman lain yang diterbitkan menurut mana-mana undang-undang oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia;
- (ii) Saham, debentur atau sekuriti lain dalam sesebuah syarikat diperbadankan di Malaysia yang tersenarai di mana-mana Bursa Saham diluluskan di bawah **Akta Perindustrian Sekuriti 1983**;
- (iii) Saham, debentur atau sekuriti lain dalam sesebuah koperasi yang didaftarkan di bawah **Akta Pertubuhan Koperasi 1993**;
- (iv) Tanah/kepentingan dalam hartanah di Malaysia atau pinjaman yang diperolehi bercagangkan kepentingan dalam hartanah itu (pinjaman tertakluk kepada nilai cagaran tersebut);
- (v) Simpanan Tetap dalam institusi kewangan yang berlesen di bawah **Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989** atau **Akta Bank Islam Malaysia 1983**;
- (vi) **Unit-unit** dalam **Syarikat Unit Amanah** yang diluluskan oleh **Suruhanjaya Sekuriti**;
- (vii) Bon atau pembelian Kertas-kertas Gadaijanji, Nota Perdagangan, Penerimaan Jurubank, Kertas Pasaran Wang, Sijil Pendepositan, Sekuriti Hutang Persendirian, Nota Janji dan Bil-bil Pertukaran dalam ertikata **Akta Bil Pertukaran 1949** (*Bills of Exchange Act 1949*) dan lain-lain instrumen boleh niaga seumpamanya.

*Bahagian Teknikal,
Jabatan Teknikal,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
MALAYSIA.
1 September 2004*

**PROFAIL SYARIKAT PENAJA
SKIM PENCEN / KUMPULAN WANG SIMPANAN**

1.	Nama Syarikat	
2.	Tarikh syarikat ditubuhkan	
3.	Alamat syarikat	
4.	Sertakan Borang 49 Akta Syarikat 1965	
5.	Nombor rujukan cukai pendapatan syarikat	
6.	Cawangan LHDN yang mengendalikan fail cukai pendapatan syarikat	
7.	Nombor fail majikan -Fail E	
8.	Cawangan LHDN yang mengendalikan fail majikan-Fail E	
9.	Ahli Lembaga Pengarah a. Bilangan ahli b. Bagi setiap ahli-nyatakan - Nama ahli - Jawatan/pekerjaan - Nombor kad pengenalan - Alamat surat menyurat - Nombor cukai pendapatan	
10.	Ketua Pegawai Eksekutif - Nama - Nombor kad pengenalan - Alamat surat menyurat - Nombor cukai pendapatan	
11.	Setiausaha syarikat - Nama - Nombor kad pengenalan - Alamat surat menyurat - Nombor cukai pendapatan	
12.	Juruaudit syarikat - Nama - Alamat surat menyurat	
13.	Modal yang dibenarkan	
14.	Modal berbayar	
15.	Bilangan pekerja	
16.	Pemegang ekuiti	

**SENARAI SEMAK
PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN
DI BAWAH SEKSYEN 150 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
BAGI PENUBUHAN SKIM PENCEN / KUMPULAN WANG SIMPANAN**

1. Nama skim pencen / kumpulan wang simpanan
2. Nombor cukai pendapatan (T/F)
3. Nama syarikat penaja
4. Dokumen berikut disertakan dan maklumat berikut di masukkan:
 - a Draf Surat Ikatan Amanah
 - b Draf Peraturan Dana
 - c Borang 49 Akta Syarikat 1965
 - d Profail syarikat -seperti dalam **Lampiran B**
 - e Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat yang meluluskan penubuhan skim pencen / kumpulan wang simpanan .
 - f Klausa yang memperuntukkan bahawa skim pencen / kumpulan wang simpanan itu ditubuhkan semata-mata untuk memberi manfaat persaraan apabila pekerja bersara .
 - g Lembaga Pemegang Amanah
 - Maklumat terperinci berhubung dengan setiap pemegang amanah (nama / no.k/p / no. passport / profession / pekerjaan / nama majikan / alamat surat menyurat.
 - 50% daripada Pemegang Amanah tidak boleh terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang menaja penubuhan skim pencen / kumpulan wang simpanan,
 - Ahli hendaklah dalam angka ganjil
 - h Klausa yang membolehkan pindaan dibuat kepada Surat Ikatan Amanah / Peraturan Dana melalui "Deed of Variation" dengan kebenaran Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
 - i Klausa yang membolehkan syarikat subsidiari menyertai skim pencen / kumpulan wang simpanan melalui "Deed of Adherence" dengan kebenaran Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri

- j. Klausula yang membolehkan syarikat subsidiari berhenti menyertai skim pencen / kumpulan wang simpanan melalui "Deed of Cessation of Adherence" dengan kebenaran Ketua Pengarah, Hasil Dalam Negeri
- k. Klausula yang memperuntukkan elemen pengasingan dana iaitu skim pencen / kumpulan wang simpanan itu hendaklah ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah
- l. Caruman majikan tidak boleh melebihi 19% daripada jumlah saraan pekerja
- m. Syarat bayaran manfaat persaraan :
- Bila mencapai 55 tahun atau umur wajib bersara
 - Persaraan awal disebabkan kesihatan kronik
 - Meninggal dunia
 - Meninggal Malaysia buat selama-lamanya
- n. Klausula yang menyatakan bayaran wang tunai tidak boleh dibuat melainkan berlaku keadaan di atas
- o. Klausula yang memperuntukkan bahawa jika dana skim pencen / kumpulan wang simpanan dibubarkan, caruman yang dibuat hendaklah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau sebuah kumpulan wang simpanan yang diluluskan / dibeli anuiti pencen yang tidak boleh diserahkan hak atau ditukar tertib / dibeli polisi insurans nyawa yang akan matang pada umur wajib bersara atau apabila berlaku kematian
- p. Klausula yang memperuntukkan bahawa apabila pekerja berhenti daripada berkhidmat dengan syarikat penaja yang menubuhkan skim atau syarikat subsidiari (yang telah diluluskan menyertai) skim pencen / kumpulan wang simpanan sebelum mencapai umur wajib bersara, caruman yang telah dibuat hendaklah dipindahkan kepada KWSP
- q. Pembubaran skim pencen / kumpulan wang simpanan hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu melalui "Deed of Dissolution"

5. Sekiranya berlaku sebarang pindaan kepada perlembagaan skim pencen/ kumpulan wang simpanan, dokumen-dokumen tertentu perlu disertakan seperti berikut :

a Pindaan kepada Surat Ikatan Amanah atau Peraturan Dana

- i Draf "Deed of Variation"
- ii Resolusi Lembaga Pengarah yang membenarkan pindaan tersebut.

b Perletakan Jawatan /Perlantikan Pemegang Amanah

- i Draf "Deed of Appointment"
- ii Resolusi Lembaga Pengarah berkenaan pemberhentian / perlantikan tersebut.
- iii Latar belakang pemegang amanah (Nama / No.K/P / No. Pasport / Pekerjaan / Nama Majikan / Alamat surat - menyurat).

c Penyertaan Syarikat Subsidiari

- i Draf "Deed of Adherence"
- ii Borang 49, Akta Syarikat 1965
- iii Stuktur pegangan ekuiti oleh Syarikat Penaja di dalam Syarikat Subsidiari serta Borang 24, Akta Syarikat 1965 (Return of Allotment of Shares)
- iv Resolusi Lembaga Pengarah yang membenarkan penyertaan Syarikat Subsidiari tersebut.

d Syarikat Subsidiari berhenti menyertai skim

- i Draf "Deed of Cessation of Adherence"
- ii Resolusi Lembaga Pengarah berkenaan pemberhentian tersebut.
- iii Bukti bahawa caruman yang telah dibuat dipindahkan kepada KWSP atau Skim / Dana Persaraan lain yang diluluskan.

e Pembubaran Skim Pencen / Kumpulan Wang Simpanan

- i Draf "Deed of Dissolution"
- ii Resolusi Lembaga Pengarah berkenaan pembubaran tersebut.
- iii Akaun Realisasi pada tarikh penutupan.
- iv Bukti yang menyatakan bahawa caruman yang telah dibuat dipindahkan kepada pihak-pihak yang berkenaan (sila rujuk perenggan 3.3.5 Garis Panduan Permohonan)